

21/09/2003

Agih bajet orang seni perlu ketelusan

Yusof Haslam

DALAM menuju kedatangan tahun baru, Bajet 2004 yang dibentangkan di Parlimen oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 12 September lalu, amat penting sekali kerana ia memberikan bayangan malahan panduan kepada kita untuk menguruskan rancangan kita yang berkaitan dengan ekonomi.

Reaksi orang ramai terhadap Bajet 2004 itu sungguh positif. Hampir semua orang menghela nafas lega dengan bajet yang dianggap memberikan manfaat kepada semua rakyat dari semua lapisan hidup. Memang betullah pendapat yang mengatakan Bajet 2004 bersifat mesra rakyat.

Sebagai rakyat Malaysia kita sepatutnya bersyukur kerana ini membuktikan keprihatinan kerajaan dalam mengurangkan beban rakyat di samping menjana kemajuan ekonomi negara.

Bidang kesenian juga tidak diabaikan daripada ruang menuju kepada pembangunan dan kecemerlangan. Peruntukan sebanyak RM80.3 juta disediakan dalam Bajet 2004 untuk pembangunan dan pendidikan seni termasuklah bidang perfileman.

Melalui peruntukan ini penerbit filem tempatan dibenar mendapatkan pinjaman dan modal awal daripada Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) untuk menghasilkan filem.

Adalah menjadi harapan kerajaan agar langkah ini dapat menggantikan filem import yang ditayangkan di pawagam dan saluran TV tempatan ketika ini.

Bagaimanakah orang seni termasuk pengusaha filem tempatan mendapat peluang dari peruntukan itu adalah satu perkara penting yang harus difikirkan. Pengagihan yang adil atau ketelusan dalam perkara ini tidak boleh dipandang ringan. Pengalaman masa lalu dalam hal sebegini mengenai tujuan yang baik tetapi tersasar dari objektif asal boleh menjadi pengajaran berguna.

Saya berpendapat cara terbaik untuk mengelakkan keraguan ialah dengan memberikan penerangan jelas kepada pengamal industri supaya tidak timbul cakap-cakap di belakang.

Memperkatakan mengenai Bajet 2004 dalam konteks diri saya sebagai pengusaha filem, saya lebih cenderung melihat dari perspektif keseluruhannya. Pertumbuhan ekonomi yang baik daripada bajet yang meyakinkan boleh mewujudkan suasana yang selesa dalam kehidupan rakyat Malaysia. Keselesaian ini perlu untuk menjamin kesejahteraan juga keselamatan negara.

Sebagai sebuah negara yang telah merdeka 46 tahun dari belunggu penjajah kita amat berbangga dengan pencapaian ekonomi dan taraf hidup rakyat. Dengan kecekapan pemimpin lalu hinggalah kepada kepimpinan dinamik Dr Mahathir, rakyat negara ini dapat mengecapi kehidupan yang selesa.

Jika ada pihak yang cuba menidakkan kejayaan negara maka mereka itu adalah golongan yang tidak tahu menghargai dan berterima kasih.

Cubalah kita buka mata dan minda, merenung apa yang berlaku di sesetengah negara jiran. Dalam keadaan politik yang tidak menentu ekonomi mereka turut merudum dan rakyatlah yang menjadi mangsa.

Bajet 2004 banyak membantu ekonomi orang bawahan selain golongan atasan. Buying power rakyat kita terus kuat dan kukuh berdasarkan kepada pelbagai kebaikan yang dinikmati daripada bajet terbaru.

Dalam pada itu keselesaian ekonomi yang lahir dari Bajet 2004 itu tidak seharusnya membuatkan pengusaha filem atau orang filem terlupa dengan satu bentuk persaingan baru yang semakin ketara kebelakangan ini. Industri VCD sedang berkembang pesat di sekeliling kita. Telah wujud sebagai satu fenomena yang bukan saja mencipta ruang pasaran tersendiri tetapi sudah mula menggugat pasaran filem di pawagam.

Dengan lambakan drama VCD di pasaran sudah pastilah pengguna mempunyai banyak pilihan sama ada ke pawagam atau menonton saja VCD di rumah. Inilah yang saya rasa akan memberi persaingan paling ketara kepada tayangan filem di pawagam. Bagaimanapun inilah realiti dalam dunia hiburan yang tidak dapat ditolak. Setiap kemajuan dan perkembangan terbaru yang wujud pastinya akan memberi cabaran kepada pihak lain.

Hakikat yang harus diterima setiap detik berlalu akan wujud pelbagai persaingan. Peredaran masa yang bergerak begitu pantas terutama di era globalisasi hari ini harus diisi dengan bijak jika tidak kita akan ketinggalan.

Berbalik kepada Bajet 2004 yang dibentangkan oleh Dr Mahathir, secara peribadi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada beliau atas keprihatinannya menjaga kepentingan rakyat dan negara kita yang tercinta.